

THE World University Rankings 2023 by Subject



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMIJU MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS



London, UK : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sekali lagi telah berjaya tersenarai di dalam *Times Higher Education (THE) World University Rankings 2023 by Subject*. Pengumuman rasmi edisi terbaharu ini di London pada 25 Oktober 2022 telah menyenaraikan prestasi kedudukan empat (4) kumpulan subjek UNIMAS iaitu *Business and Economics, Life Sciences, Social Sciences* dan *Engineering and Technology*.

Kesemua subjek menggunakan petunjuk prestasi yang dipercayai dan ketat sepertimana penarafan *World University Rankings 2023* tetapi metodologinya telah ditentu ukur semula agar bersesuaian dengan bidang berkaitan.

Subjek **Business and Economics** UNIMAS kekal berada di kedudukan **601-800** dunia dengan persaingan sengit peningkatan Universiti yang memasuki penarafan pada tahun ini iaitu sebanyak 870 berbanding hanya 794 Universiti pada tahun lalu. Subjek ini menilai prestasi dalam disiplin pengurusan perniagaan, perakaunan dan kewangan serta ekonometriks.

Subjek **Life Sciences** UNIMAS turut kekal pada kedudukan **801-1000** dunia di sebalik peningkatan Universiti yang mendapat penarafan iaitu 1017 berbanding hanya 972 tahun lalu. Subjek ini menonjolkan Universiti yang menerajui disiplin pertanian dan perhutanan, sains biologi, sains veterinar dan sains sukan.

Walaupun bagaimanapun, kedudukan subjek **Social Sciences** merosot dari 601+ kepada **801+** tahun ini. Ia didorong oleh kemerosotan ketara markah *citations* selain peningkatan Universiti yang memasuki senarai penarafan dari 870 kepada 941 Universiti tahun ini. Subjek ini menilai prestasi dalam disiplin komunikasi dan kajian media, politik dan kajian antarabangsa, sosiologi dan geografi.

Manakala itu, subjek **Engineering and Technology** UNIMAS kekal berada pada **1001+** dunia. Peningkatan markah dalam keseluruhan petunjuk prestasi masih belum mampu melonjakkan kedudukan subjek ini disebabkan kemasukan bilangan Universiti yang layak iaitu dari 1188 tahun lalu kepada 1306 pada tahun ini.

Pencalonan THE Awards Asia 2023 Kini Dibuka

Kota Samarahan : Times Higher Education (THE) telah membuka pencalonan bagi anugerah berprestij THE Awards Asia 2023.

SQRC selaku Sekretariat peringkat Universiti, melalui emel pemakluman pada 1 November 2022 telah mempelawa warga UNIMAS dari semua bahagian / fakulti / pusat / institut untuk

menghantar butiran pencalonan untuk tujuan penilaian.

Sebanyak 10 kategori termasuk 2 kategori baharu dipertandingkan pada kali ini. Untuk rekod, UNIMAS melalui Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif memenangi kategori *Excellence and Innovation in the Arts* semasa THE Asia Awards 2020.



Penghantaran Laporan OBB KPT

Kota Samarahan : UNIMAS melalui SQRC selaku Sekretariat OBB telah berhasil menyalurkan maklumat pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB) KPT bagi suku ketiga (Julai-Sept) 2022 pada 13 Oktober 2022 yang lalu.

Dokumen pelaporan berkenaan turut disahkan dan ditandatangani oleh YBhg Naib Canselor selaku Ketua Aktiviti untuk pengesahan selanjutnya oleh Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.

Perkara 10.3.1 Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 –

Bajet Berasaskan Outcome (OBB) menetapkan agar pemantauan dan penilaian OBB dilaksanakan bagi mengukur tahap pencapaian sasaran prestasi dan menilai keberkesanan program dan aktiviti yang telah dikunci masuk dalam Sistem MyResults.

Antara pencapaian KPI pengurusan prestasi universiti yang perlu dilaporkan ialah berkaitan Graduan UA Yang Berdaya Saing, Inovatif dan Proaktif; Bakat Universiti Bertaraf Global serta Pengurusan Universiti Yang Berkesan.

Sorotan Ringkas Keterlibatan Staf SQRC

Kota Samarahan : Majlis Konvokesyen Ke-26 UNIMAS yang berlangsung pada 31 Oktober - 3 November 2022 menyaksikan 3972 graduan memperolehi ijazah peringkat Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda. Warga kerja SQRC turut sama menggembleng tenaga menerusi beberapa Jawatankuasa Pelaksana Konvokesyen pada tahun ini.



Sementara itu, *International Counseling Convention (ICC) 2022* bertemakan *Standing Alone Together : Managing the Paradox* telah berlangsung pada 1-4 November 2022 di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching. Penolong Pendaftar Kanan SQRC, Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman turut terlibat bersama-sama pihak penganjur pada konvensyen tersebut.



Dalam pada itu juga, SQRC turut sama terlibat dalam persiapan bagi menerima Lawatan Kerja YDH CP Dato' Aidi bin Ismail, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJJK) PDRM Bukit Aman dan rombongan ke UNIMAS pada 18 Oktober 2022.



Wakil SQRC Sertai SKeP 2022

Kota Samarahan : Simposium Kebangsaan Kesejahteraan Psikologi (SKeP) 2022 telah diadakan pada 11 - 12 Oktober 2022 di De-TAR Putra. Tiga staf SQRC telah menyertai bengkel terapi kesejahteraan psikologi antaranya Seni Lukis dan *Mindfulness*.



Pada hari kedua, para peserta turut berpeluang mengikuti sesi bersama selebriti jemputan iaitu Prof Madya Dr Soo Wincci.

MARIM International Conference 2022

Putrajaya : MARIM International Conference 2022 telah berlangsung pada 17 -18 Oktober 2022 di Le Meridien, Putrajaya. Persidangan MARIM merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh *Malaysian Association of Risk and Insurance Management* bagi berkongsi amalan terbaik dalam pengurusan



risiko. Tema persidangan pada tahun ini adalah *Adaptive Risk Management: Building Resilience In Disruptive Times*. Penolong Pendaftar Kanan (Unit Pengurusan Risiko), Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman telah turut serta dalam persidangan pada kali ini.

Persidangan ini memberi manfaat yang besar kepada semua peserta kerana ia menjadi platform untuk bertukar-tukar pengetahuan dan membina jaringan perhubungan antara agensi.

Perbincangan Bersama SQRC & USC

Kota Samarahan : Perbincangan bagi penyelarasan bersama SQRC dan Pusat Kelestarian Universiti (USC) telah diadakan pada 4 November 2022.



Perbincangan tertumpu kepada penyelarasan pengumpulan dan penghantaran data-data bagi THE *University Impact Ranking 2023* yang mana tarikh akhirnya adalah pada 11 November 2022. USC telah diwakili oleh Timbalan Pengarah (Kelestarian), En Mohd Farid bin Atan.

Kalendar Aktiviti



Oktober 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Mesyuarat JSKU	Bil..03/2022 Ke-25	11/10/2022
2	Mesyuarat Kualiti Data (MKD) Bil.2/2022	KPT	12/10/2022
3	Pelaporan Pencapaian Prestasi Kerangka Keberhasilan (OBB)	Suku Ketiga Tahun 2022	14/10/2022
4	THE WUR 2023 Masterclass	Data collection & methodology	25/10/2022
5	THE Data Points Demo	Impact Rankings	27/10/2022

November 2022

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	THE Awards Asia 2023	Open for nominations	1/11/2022
2	THE University Impact Rankings 2023	Deadline data collection @ Portal	11/11/2022
3	Mesyuarat JKPR	Bil.03/2022	21/11/2022
4	Lawatan Kerja UMT	Pusat Transformasi, Perancangan Strategik dan Risiko UMT	23/11/2022
5	Bengkel Pengurusan Risiko Siri 2	Risk Management @ Grand Margherita	24-25/11/2022

